

Malaysia cadang perluas kerjasama dengan China

SOALAN: Perdana Menteri, kami bertuah kerana anda bersama-sama kami lagi dalam program ini. Kami harus mengucapkan tahniah kepada anda kerana tiga hari lalu Keluaran Negara Kasar (KNK) Malaysia menunjukkan pertumbuhan 7.6 peratus pada sesi awal. Ia agak menakjubkan. Bagaimana anda melakukannya?

ABDULLAH: Bagaimana saya melakukannya? Saya tidak tahu bagaimana saya melakukannya. Kerja kuat.

SOALAN: Ahli ekonomi menjangkakan bahawa Malaysia akan mengalami pertumbuhan 6.5 peratus secara keseluruhannya tahun ini.

ABDULLAH: Itu pencapaian baik. Jadi, ia permulaan baik, kita berharap akhirnya nanti juga akan baik. Itulah harapan kita.

SOALAN: Kebanyakan hubungan perdagangan dengan negara luar, antaranya dengan China adalah baik. Hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan China mencapai sekitar AS\$2.1 bilion (RM7.98 bilion). Ia lebih daripada perdagangan dua hala antara China dan Russia. Ia angka yang menakjubkan. Di bawah kepemimpinan anda, bagaimana anda melakukannya?

ABDULLAH: Ya... semua orang bertanya kepada saya bagaimana saya melakukannya. Saya fikir, tahap keyakinan kerajaan adalah sangat tinggi sekarang. Mereka mengetahui bahawa kita serius dalam melaksanakan banyak perkara. Mereka percaya mereka akan mendapat pulangan baik. Usaha telah dilakukan untuk memastikan ada keberkesanan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam, untuk memerangi rasuah, kesungguhan dalam urus tadbir yang baik dan juga langkah bijak dalam pengurusan kewangan kita...ekonomi kita.

Pada masa yang sama, kita memastikan wujud kestabilan yang berterusan. Dalam hal politik, pada masa ini kita tidak menghadapi sebarang masalah. Jadi, saya fikir ini adalah sebahagian daripada faktor yang telah mewujudkan suasana baik dalam sektor swasta.

Kerajaan Malaysia adalah sebuah kerajaan yang mesra terhadap sektor swasta dan kita mahu meneruskan dasar membuatkan sektor swasta sebagai ejen pertumbuhan ekonomi.

SOALAN: Bercakap mengenai usaha memerangi rasuah. Di Asia Tenggara, rasuah berlaku di mana-mana. Tidak mudah memerangnya. Apabila anda memulakan kempen ini, adakah berlaku sebarang kesukaran?

ABDULLAH: Saya berharap saya telah mula membuat beberapa impak baik. Saya telah menerima beberapa laporan daripada Badan Pencegah Rasuah (BPR) bahawa mereka sendiri telah mula merasakan bahawa orang ramai mengambil serius kempen ini.

Tentu sekali, kita menyokong kempen antirasuah dan langkah pencegahan lain yang telah kita perkenalkan dalam Pelan Integriti Nasional. Kita telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia dan kita juga telah melaksanakan beberapa program lain dalam sektor awam untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam, yang disukai orang ramai, yang disokong oleh orang ramai.

Jadi, apayang kita lakukan dalam memerangi rasuah dan juga memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam, mewujudkan keberkesanan, adalah untuk membuatkan kos menjalankan perniagaan menjadi lebih murah. Kurangkan kos menjalankan perniagaan. Itu

TEKS penuh temu bual dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi dalam program 'Interview with Glitterati' yang disiarkan melalui saluran Phoenix Astro, kelmarin.

baik. Oleh itu, anda mewujudkan suasana baik.

SOALAN: Oleh kerana ini adalah kali pertama anda menjadi Perdana Menteri, Bagaimana perasaan anda sejak tahun lalu?

ABDULLAH: Ya, tentunya ia adalah tempoh masa yang menarik. Tahun lalu dan tahun ini sama-sama menarik.

SOALAN: Anda memenangi pilihan raya dengan kemenangan besar. Begitu besar.

ABDULLAH: Ya.

SOALAN: Begitu besar...

ABDULLAH: Ya, tentunya begitu besar. Memang sebenarnya ia begitu menarik bagi saya. Banyak cabaran, banyak perkara yang perlu dilakukan, banyak perkara yang boleh diperkatakan dan saya mendapat banyak sokongan mengenai apa yang saya hendak lakukan yang telah saya umum. Jadi ada perasaan puas kerana saya mendapat sokongan.

Pada masa yang sama, tentunya kita tidak mempunyai masalah seperti Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) sebelum ini. Kita tidak mempunyai masalah berkaitan penyakit. Malah, penyakit selesema burung telah berjaya kita kawal daripada merebak ke Malaysia. Dari itu, industri pelancongan kita tidak terjejas oleh selesema burung manakala negara lain terjejas oleh wabak itu. Faktor baik telah memihak kepada kita.

SOALAN: Jadi anda fikir anda bernasib baik?

ABDULLAH: Mungkin dirahmati. Diharap dirahmati.

SOALAN: Tetapi saya fikir, anda tidak boleh mengatakan ini sebagai bernasib baik, kerana...

ABDULLAH: Kita bekerja kuat.

SOALAN: Parti anda, Umno akan menghadapi pemilihan tidak lama lagi.

ABDULLAH: Ya, tidak lama lagi.

SOALAN: Anda jangkakan akan mendapat sokongan besar lagi?

ABDULLAH: Saya kena tunggu dan lihat. Setakat ini, ada ikrar sokongan yang baik.

SOALAN: Saya kemukakansoalan ini kerana pada pilihan raya umum Mac lalu, anda memenangi 198 daripada 219 kerusi. Itu kejayaan

ABDULLAH: Ya.

SOALAN: Jadi, di dalam parti anda, anda tentunya mendapat sokongan jitu sekarang.

ABDULLAH: Kita kena tunggu dan lihat

SOALAN: Tahun ini adalah ulang tahun ke-30 jalinan hubungan Malaysia dan China. Jadi, apakah hubungan jangka pendek dan jangka panjang yang anda jangkakan antara Malaysia dan China?

ABDULLAH: Kita percaya kita akan terus bekerjasama. Saya percaya masa depan akan menyaksikan kerjasama ini akan lebih luas dan mendalam. Kita telah mengenai pasti pelbagai bidang kerjasama. Saya telah menemui Perdana Menteri, Wen Jiabao, saya bertemu Presiden, Hu Jintao dan telah menemui Naib Perdana Menteri. Semua mereka mengatakan perkara sama - mengenai memperluaskan kerjasama kita.

Mereka juga telah melahirkan keyakinan iaitu melihat masa depan, hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dan China akan meningkat, akan bertambah baik. Kebanyakan negara mendapat faedah yang banyak daripada hubungan dua hala yang baik seperti itu. Saya menyetujuinya. Itulah pandangan saya, sama ada jangka pendek atau jangka panjang.

SOALAN: Beberapa pihak di Jepun dan Amerika Syarikat berpendapat pertumbuhan China adalah ancaman kepada dunia. Adakah anda sependapat dengan idea ini?

ABDULLAH: Kita tidak berkongsi pendapat itu. Kita tidak pernah mempunyai tanggapan bahawa China adalah ancaman. Kita selalu melihat China sebagai peluang untuk bekerjasama dan bagi mendapatkan faedah ekonomi daripada kerjasama seperti itu. Pasaran di China sangat, sangat besar.

China juga pada masa yang sama mempunyai kapasiti untuk melabur dalam negara kita. Oleh itu, apa yang perlu kita lakukan ialah meneruskan hubungan baik yang terjalin. Ia baik untuk ahli perniagaan kita, ia baik untuk ahli perniagaan China. Ia baik untuk rakyat Malaysia dan China.

SOALAN: Hubungan dagang dua hala dengan China, angkanya banyak memihak kepada Malaysia. China sekarang cuba untuk memperlambatkan perkembangan ekonomi. Adakah anda bimbang ini akan menandatangani kesan kepada Malaysia?

ABDULLAH: Pemimpin China yang saya temui tidak ada memberitahu saya mengenai usaha mahu memperlambatkan pertumbuhan ekonomi. Sebenarnya, mereka memberitahu saya yang mereka gembira dengan prestasi ekonomi, dengan pertumbuhan yang telah mereka capai. Tetapi pada masa yang sama, mereka mengakui mungkin ada sektor tertentu yang mungkin mempunyai masalah kerana perkembangan ekonomi terlampau pantas.

Mereka mahu memberi perhatian yang lebih kepadanya. Mereka mahu memastikan mereka boleh menangani situasi itu dengan baik untuk mengelak perkembangan negatif yang mempunyai impak buruk terhadap ekonomi lain. Saya berharap mereka berjaya.

Tentunya, apa yang mereka perkatakan selama ini adalah sangat penting untuk memastikan jika sesuatu akan berlaku, China akan mempunyai kaedah yang tidak akan menjejaskan ekonomi lain. Tetapi saya ada perkatakan bahawa walau apa pun, usaha kita untuk meningkatkan kadar perdagangan akan diteruskan.

Kita fikir masih ada bidang untuk meningkatkan kerjasama. Kita telah mengenai pasti bidang itu seperti pertanian, bioteknologi, pelancongan, pendidikan, perkhidmatan kesihatan,

Hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dan China akan meningkat, akan bertambah baik.

Kebanyakan negara mendapat faedah yang banyak daripada hubungan dua hala yang baik seperti itu. Saya menyetujuinya. Itulah pandangan saya, sama ada jangka pendek atau jangka panjang.

Abdullah Ahmad Badawi

teknologi kesihatan dan sebagainya.

SOALAN: Jadi, apakah bidang yang anda mahu bagi menarik penyertaan ahli perniagaan China?

ABDULLAH: Saya telah memberi penekanan mengenai pentingnya pertanian kepada kita. Pertanian adalah sumber kekayaan, pertanian memberi peluang untuk membangunkan sumber pertumbuhan baru, sumber baru pendapatan tambahan, sumber baru kekayaan untuk orang ramai, terutamanya di luar bandar. Jadi, rakyat China telah memberi maklum balas sangat baik.

Sebenarnya, mereka juga telah mencadangkan bahawa pertanian dan bioteknologi perlu diberi penekanan lebih besar.

SOALAN: Kita bercakap pula tentang hubungan negara anda dengan Amerika Syarikat. Tahun ini, anda menolak dua cadangan. Pertama, anda menolak cadangan agar Amerika Syarikat membantu mengawal keselamatan di Selat Melaka. Kemudian, anda menolak cadangan supaya tentera Amerika Syarikat dihantar ke Selatan Thailand bagi menangani ancaman pegganas.

ABDULLAH: Kita boleh mengawasi Selat Melaka, kita bersama-sama... Malaysia, Singapura dan Indonesia. Kita boleh mengambil langkah untuk menjadikan Selat Melaka selamat untuk kapal, atau selamat daripada serangan pegganas.

Mengenai Selatan Thailand, ia adalah perkara berkaitan kerajaan Thailand. Tetapi kita percaya bahawa jika kita dan Thailand boleh bekerjasama untuk menangani keadaan di Selatan Thailand, ia adalah lebih baik kerana kita memahami masalah di sana dan apa yang mereka perlukan adalah kerjasama efektif. Jika situasi itu tidak boleh ditangani secara efektif, maka akan terdapat kebimbangan ramai rakyat di Selatan Thailand menyeberangi sempadan dan memasuki kawasan kita, ia tentunya akan menimbulkan banyak masalah.



Jadi, kerana alasan itu saya telah mengarahkan Timbalan saya, Datuk Seri Najib Razak untuk pergi dan berbincang dengan pemimpin Thailand. Beliau membawa bersama Ketua Polis Negara, Panglima Tentera Laut dan Panglima Angkatan Tentera dan beberapa pegawai tinggi kerajaan.

Perbincangan mereka begitu berjaya. Kita tidak melihat perlunya Amerika Syarikat mempunyai tentera di Asia Tenggara.

SOALAN: Jadi, anda tidak berasaselesa dengan kehadiran Amerika Syarikat di Asia Tenggara?

ABDULLAH: Bukan begitu tetapi jika kita boleh bekerjasama, kita boleh melakukan banyak perkara untuk meningkatkan lagi keadaan di selatan Thailand. Itulah yang kita rasakan. Tanpa perlunya untuk negara di luar rantau ini terbabit.

SOALAN: Jadi, di bawah pimpinan anda, apakah hala tuju yang anda kehendaki berkaitan hubungan dengan Amerika Syarikat?

ABDULLAH: Kita mempunyai hubungan baik dengan Amerika Syarikat, orang tidak mempercayainya. Kita mempunyai banyak program yang kita sama-sama membabitkan diri yang berjalan dengan baik. Malahan dalam memerangi jenayah. Tetapi khususnya, dalam isu Iraq dan Palestin, kita mempunyai perbezaan yang sangat serius dengan Amerika Syarikat.

SOALAN: Tahun lalu, apabila saya bertanya pendapat anda mengenai perang Iraq, anda memberitahu saya ungkapan menarik Amerika memenangi peperangan, tetapi tewas daripada segi keamanan.

ABDULLAH: Ya, mereka tewas daripada segi keamanan. Mereka belum memenangi keamanan sehingga sekarang. Keadaan masih tidak bertambah baik untuk Amerika Syarikat daripada sebelumnya, daripada tahun lalu, ketika kita bercakap mengenainya.

Tetapi sekarang, kita mula melihat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mahu memainkan peranan lebih besar di Iraq. Mereka telah menghantar Lakhdar Brahimi, seorang diplomat yang sangat bijak. Beliau mewakili Setiausaha Agung PBB dan kita melihat beberapa perkembangan di sana dan Brahimi telah terbabit dan mengambil beberapa langkah untuk bekerjasama dengan rakyat Iraq. Beliau telah menerima keputusan rakyat Iraq agar Allawi menjadi Perdana Menteri baru, dan tidak ada pertikaian mengenainya. Dan jika semua rakyat Iraq bersetuju dia menjadi Perdana Menteri baru, saya fikir itu diharapkan adalah langkah ke arah yang betul.

SOALAN: Terima kasih banyak Yang Amat Berhormat.

ABDULLAH: Sama-sama.